

25 JUL 2002
Trafik-Jalan

PAMER TIKET UNTUK LICIN PERGERAKAN KENDERAAN: POLIS TRAFIK

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Orang ramai yang ingin menyaksikan pertunjukkan "One Nation We Care" dan Konsert Mollywood pada Sabtu ini dinasihat agar mempamerkan tiket pada kenderaan masing-masing bagi memudahkan anggota polis trafik mengawal lalu lintas.

Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur Supt Ahmad Shamsuri Ahmad Mukhri berkata, ia bertujuan melicinkan pergerakan kenderaan bagi dua acara berkenaan yang berlangsung serentak di Stadium Nasional dan Stadium Putra, Bukit Jalil mulai pukul 6 petang.

"Pengunjung-pengunjung diharap dapat menunjukkan tiket masing-masing dan patuh kepada arahan-arahan yang diberikan untuk meletakkan kereta mereka di tempat yang ditetapkan," katanya pada sidang media di Balai Polis Trafik di Jalan Tun H.S. Lee, di sini hari ini.

Beliau berkata, Jalan Puchong menuju ke Lebuhraya Kesas mungkin akan ditutup dan semua kenderaan dinasihat agar menggunakan Lebuhraya Seremban.

Beberapa laluan utama dua hala di sekitar Kompleks Sukan Negara pula akan dijadikan jalan sehalu.

Ahmad Shamsuri berkata, persembahan "One Nation We Care" yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil akan dimeriahkan dengan acara pertunjukan pentas dan kutipan derma untuk Tabung AIDS, dan dijangka dihadiri kira-kira 100,000 pengunjung.

Ia anjuran Persatuan Insuran Am Malaysia dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Konsert Mollywood pula mempersembahkan pertunjukkan artis popular dari Madras, India, di Stadium Putra Bukit Jalil dan dijangka dibanjiri kira-kira 19,000 pengunjung.

Ahmad Shamsuri berkata, kenderaan yang menuju ke Stadium Putra dari Lebuhraya Seremban dinasihatkan supaya melalui jalan Puchong Link menuju ke persimpangan Puchong-Jalan West, dan berpatah balik ke Puchong Link menghalu ke arah ASTRO serta masuk ke jalan Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Beliau berkata, kedua-dua tempat letak kereta lot D dan E di khaskan untuk kenderaan ke konsert Mollywood sahaja.

"Kita akan menggunakan kaedah lencongan kenderaan dari Puchong Link dan Lebuhraya Seremban," jelas beliau.

Beliau berkata semua kenderaan di lot B, C, D dan E perlu menggunakan Jalan Puchong Link sebagai laluan semasa balik, manakala kenderaan di Stadium Hoki dan lot F perlu melalui Jalan North ke Persimpangan Kesas-Sri Petaling (Carrefour)/Sukom Interchange.

Polis trafik akan memasang papan tanda penunjuk arah sebagai panduan.

Orang ramai adalah dinasihatkan agar menggunakan pengangkutan awam seperti bas dan komuter yang akan dilanjutkan masa perkhidmatan mereka.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya tidak membawa masuk sebarang objek termasuk payung, tin minuman atau mercun.

Katanya, seramai 140 anggota polis trafik dan Unit Simpanan Persekutuan akan ditugaskan secara menyeluruh di setiap lokasi yang dikenal pasti mulai pukul 10 pagi.

-- BERNAMA
CS AZH HM